

03 FEB 1998

PELABUR-PELABUR YANG KEMBALI NAIKKAN HARGA SAHAM

KUALA LUMPUR, 3 Feb (Bernama) -- Pelabur-pelabur pasaran, yang kembali daripada cuti perayaan tujuh hari, menaikkan harga saham di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) dan melambung secara menyeluruh dengan beberapa kaunter mencecah paras had tertinggi pada sebelah pagi.

Tanda aras BSKL, Indeks Komposit, meningkat 23.14 peratus atau 131.80 mata untuk ditutup kepada 701.31, kali pertama ia bergerak di atas 700 mata sejak 7 Nov tahun lalu.

Ia mencecah paras tertinggi harian 718.91 mata pada 2.35 petang sebelum menjadi stabil pada di antara paras 700 hingga 715 bagi seluruh petang.

Sementara itu, niaga hadapan bulan semasa Februari meningkat 113 mata kepada 685.0, dengan mencatatkan jumlah dagangan tertinggi pernah diurus niagakan di Bursa Opsyen dan Kewangan Hadapan Kuala Lumpur (KLOFFE) dengan 5,981 lot bertukar tangan.

Selain daripada kenaikan di pasaran-pasaran serantau dan Wall Street semalam, kestabilan ringgit turut membantu meningkatkan pasaran tunai dan niaga hadapan lebih tinggi, kata seorang peniaga.

Ringgit menjadi stabil pada paras 4.0 berbanding dolar Amerika. Pada pukul 5.00 petang, matawang tempatan itu berada pada 4.075/50 berbanding dolar.

Seorang peniaga berkata pasaran mendapat galakan selanjutnya kerana kenyataan positif daripada para pegawai dari Amerika Syarikat dan Tabung Matawang Antarabangsa (IMF) yang melawat negara ini baru-baru ini, di samping kenyataan oleh presiden Bank Dunia James Wolfensohn yang tiba semalam.

"Kami boleh melihat keyakinan kembali kerana para pelabur melihat keazaman dan tindakan sedang diambil untuk memperbetulkan pelbagai masalah ekonomi dan kewangan," tambahnya.

Wolfensohn, yang mengadakan perjumpaan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan timbalannya Datuk Seri Anwar Ibrahim, berada di sini sebagai sebahagian daripada lawatan seminggu ke enam negara Asia Timur yang bertujuan menilai kesan krisis ekonomi dan menawarkan bantuan kepada negara-negara terbabit.

Wolfensohn telah memuji program-program yang dilaksanakan oleh Malaysia untuk menangani masalah-masalah kewangan dan ekonomi semasa negara, sambil menyatakan bahawa langkah-langkah itu adalah berkesan.

Beliau berkata demikian kepada para pemberita di Singapura semalam sebelum datang ke Kuala Lumpur.

Pada persidangan akhbar sebelum berlepas ke Indonesia hari ini, katanya Bank Dunia melihat Malaysia akan muncul pada asas lebih kukuh daripada krisis ekonomi serantau itu dibandingkan dengan negara-negara lain, tetapi beliau tidak menolak kemungkinan memberikan bantuan kewangan atau nasihat jika perlu.

Peniaga itu juga berkata bahawa dengan kedudukan sekarang, para pelabur mengambil peluang membeli saham-saham murah bermutu, sambil menambah bahawa terdapat kehadiran teguh pelabur-pelabur berinstitusi asing hari ini.

Indeks Perusahaan Straits Times Singapore ditutup jatuh 15.09 mata kepada 1,417.90, turun daripada paras tertinggi 1,492.93, manakala di Jakarta, indeks komposit ditutup 17.317 mata lebih rendah kepada 536.790.

Indeks Hang Seng ditutup 53.09 mata lebih rendah kepada 10,525.51, setelah diniagakan di antara setinggi 10,743.19. Tetapi Nikkei 225 ditutup 246.16 mata lebih tinggi kepada 17,022.98.

Di Seoul, indeks komposit ditutup 6.53 mata lebih tinggi, atau 1.20 peratus, pada 550.21, turun daripada paras tertinggi 564.13.

Di Thailand, Indeks SET jatuh 5.78 mata kepada 548.97, naik sedikit daripada serendah 537.59 mata dan paras tertinggi 548.97. Ia juga melihat beberapa pengambilan untung setelah kenaikan semalam.

Seorang peniaga berkata bursa tempatan itu akan bergantung kepada pasaran-pasaran serantau untuk petunjuk.

"Di dalam keyakinan diperbaharui di pasaran sekarang, kita akan melihat cahaya cerah di hadapan sekiranya semuanya menjadi stabil," tambahnya. --

BERNAMA

MSL OS